

02 APR 2000

SUKAN: KEHADIRAN PENONTON PADA GP MOTOSIKAL KURANG MEMUASKAN

SEPANG, 2 April (Bernama) -- Kehadiran penonton pada Kejohanan GP Motosikal Malaysia yang berakhir di Litar Antarabangsa Sepang (SIC) hari ini menunjukkan ia kekurangan daripada 25,000 penonton tahun lepas kepada 18,000 penonton tahun ini.

Dua hari pertama perlumbaan menunjukkan kehadiran paling buruk dengan tempat duduk grandstand tidak terusik kecuali pada perlumbaan akhir hari ini yang dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Para pegawai SIC ketika ditemui enggan mengulas mengenai penjualan tiket untuk perlumbaan ini.

Bagaimanapun peminat sukan bermotor Malaysia kini dikatakan lebih berminat menyaksikan perlumbaan kereta Formula One yang dianjurkan dengan baik tahun lepas.

Grand Priix F1 yang dianjurkan di sini tahun lepas menarik minat lebih 90,000 penonton.

Mungkin juga kerana papan tanda yang tertulis di sepanjang jalan raya menuju ke SIC tertulis dengan perkataan "Litar Formula One Sepang" dan bukan "Litar Sukan Bermotor Sepang," yang menyebabkan peminat lebih suka menyaksikan perlumbaan Formula One.

--BERNAMA

AHA zb